

Headline	Galak golongan muda ceburi TBB		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	05 Feb 2024	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	22
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 25,173		



## Galak golongan muda ceburi TBB

**Kuala Lumpur:** Golongan muda perlu digalakkan untuk menceburi sektor tenaga boleh baharu (TBB) yang dapat membantu usaha kerajaan mempercepat peralihan tenaga negara.

Sehubungan itu, Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan menyarankan agar golongan berkenaan untuk memanfaatkan peluang daripada inisiatif kerajaan yang turut mendorong peningkatan peluang pekerjaan dalam sektor TBB.

Katanya, ini juga sejajar dengan pendirian Malaysia yang komited untuk menurunkan impak jejak karbon dan usaha berkenaan perlu disambut baik oleh syarikat tempatan.

“Kerajaan memerlukan sejumlah RM2 bilion sebagai dana asas untuk Fasiliti Peralihan Tenaga Nasional yang membolehkan syarikat mengambil peluang untuk berganjak kepada TBB.

“Usaha kerajaan itu termasuk memberikan akses pembiayaan melalui sistem perbankan

yang mana bank memperkenalkan pembiayaan hijau.

“Pihak bank (terbabit) juga telah memberi komitmen pembiayaan melebih RM200 bilion bagi menggalakkan peralihan industri kepada ekonomi rendah karbon,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri sesi forum bertajuk *Accelerating Malaysia's Sustainable Future* sempena program *Youth Empowerment Fair 2024* (YEF 2024) di sini, kelmarin.

Amir Hamzah turut berkongsi usaha Bank Negara Malaysia menyediakan dana RM892 juta bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di bawah Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF) untuk memudahkan mereka beralih kepada model perniagaan yang rendah karbon.

“Secara ringkasnya, kerajaan berusaha dari segi penetapan dasar, menyediakan kemudahan serta insentif dan seterusnya memastikan pasaran turut melaksanakan (perkara itu),” katanya.



MALAYSIA komited untuk menurunkan impak jejak karbon.